

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih i-Great Critical Care. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful")
 Nama Produk : i-Great Critical Care
 Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

i-Great Critical Care merupakan pelan takaful sendiri dengan caruman berkala yang meningkat yang menyediakan perlindungan bagi penyakit kritikal sehingga umur lapan puluh (80) tahun hari lahir berikutnya tanpa elemen simpanan atau pelaburan.

2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- *Tabarru'*: Jumlah yang sanggup disumbangkan oleh Peserta-peserta ke dalam Dana Tabarru' demi kesejahteraan dan menjalin kerjasama di antara Peserta-peserta yang digunakan untuk membantu Peserta-peserta sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
- *Wakalah bi al-Ujrah*: Kontrak agensi di mana Peserta melantik Pengendali Takaful untuk mengurus Dana Tabarru'. Pengendali Takaful layak menerima upah tertentu seperti yang telah dipersetujui pada awal kontrak di atas perkhidmatan yang telah diberikan.
- *Ju'alah*: Dari sudut bahasa, ia adalah saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan. Dari sudut istilah, ia adalah kontrak untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan upah yang ditetapkan dalam tempoh tertentu. Konsep *Ju'alah* digunakan di dalam situasi di mana Lebihan Pengunderaitan dikongsi antara Peserta-peserta dan Pengendali Takaful. Hak untuk mendapat Lebihan Pengunderaitan adalah bergantung kepada perlaksanaan tugas dengan lengkap dan keputusan yang diperolehi.
- *Mudharabah*: Perkongsian keuntungan di antara Peserta dan Pengendali Takaful ke atas pulangan pelaburan dari Dana Tabarru' berdasarkan nisbah peratusan 50:50 masing-masing yang dipersetujui sebelumnya yang diagihkan selepas setiap tahun kewangan.
- *Qard Hasan* (Pinjaman Kebajikan): Pinjaman yang dikembalikan pada akhir tempoh yang dipersetujui tanpa sebarang faedah. Bagi tujuan takaful, jika Dana Tabarru' mengalami defisit, Pengendali Takaful akan mengatur *Qard Hasan*. *Qard Hasan* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana Tabarru'.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Manfaat	Penerangan
Manfaat Kejadian yang Dilindungi	Apabila berlakunya salah satu daripada 45 Penyakit Kritikal ke atas Orang yang Dilindungi, Pengendali Takaful akan membayar Jumlah Perlindungan dari Dana Tabarru' dengan jumlah penuh, kecuali bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk penyakit arteri koronari, yang mana pembayaran tuntutan adalah terhad kepada 10% daripada perlindungan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Selepas tuntutan untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dibayar, Jumlah Perlindungan akan dikurangkan sewajarnya. Tuntutan bagi empat puluh empat (44) Penyakit Kritikal selebihnya adalah dibenarkan, tertakluk kepada baki Jumlah Perlindungan. Sila rujuk Jadual Caruman untuk Jumlah Perlindungan bagi pelan pilihan anda.

Tempoh perlindungan: Sehingga umur lapan puluh (80) tahun hari lahir berikutnya atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Senarai 45 penyakit kritikal yang dilindungi adalah seperti berikut:

- | | | |
|---|---|--|
| 1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk | 16. AIDS Dengan Gejala Penuh | 31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer |
| 2. Angioplasti dan rawatan invasif lain | 17. Hepatitis Viral Fulminan | 32. Penyakit Arteri Koronari Serius |
| 3. Bacterial Meningitis | 18. Serangan Jantung | 33. Strok/Angin Ahmar |
| 4. Tumor Otak Benign | 19. Pembedahan Injap | 34. Pembedahan Aorta Jantung |
| 5. Buta | 20. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah | 35. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk |
| 6. Pembedahan Otak | 21. Kegagalan Buah Pinggang | 36. Kelecuman Tahap Ketiga |
| 7. Kanser | 22. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri | 37. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan |
| 8. Kardiomiopati | 23. Hilang Keupayaan Bertutur | 38. Penyakit Terminal (Membawa Maut) |
| 9. Anemia Aplastik Kronik | 24. Trauma Kepala Major | 39. Penyakit Sistik Medular |
| 10. Koma | 25. Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang | 40. Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)" |
| 11. Pembedahan Pintas Arteri Koronari | 26. Penyakit Neuron Motor | 41. Poliomiellitis |
| 12. Pekak | 27. Sklerosis Multipel | 42. Skleroderma Progresif |
| 13. Ensefalitis | 28. Distrofi Otot | 43. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) |
| 14. Kegagalan Hati Tahap Akhir | 29. Kelumpuhan Anggota | 44. Elefantiasis (Penyakit Untut) |
| 15. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir | 30. Penyakit Parkinson | 45. Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik |

Nota:

- (i) Tiga puluh (30) atau enam puluh (60) hari tempoh menunggu akan dikenakan bergantung kepada jenis Penyakit Kritikal.
- (ii) Tertakluk kepada terma dan syarat Sijil. Sila rujuk pada sijil untuk butiran lanjut.

4. Berapakah caruman yang saya perlu bayar?

- Sila rujuk pada Jadual Caruman bagi jumlah caruman yang perlu anda bayar bagi pelan pilihan anda.
- Caruman boleh dibuat melalui kad kredit, secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.
- Tempoh bayaran caruman: sama seperti tempoh perlindungan. Sila rujuk pada Sijil untuk butiran lanjut.

Nota:

- (i) Caruman adalah tidak dijamin. Pengendali Takaful boleh mengubah kadar caruman pada ulang tahun sijil anda dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada anda.
- (ii) Semakan ke atas caruman, jika ada, bertujuan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan terhadap Pengendali Takaful dan/atau keadaan lain yang sewajarnya.
- (iii) Caruman untuk pelan ini adalah caruman yang mungkin akan meningkat setiap tahun berdasarkan umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi yang dicapai pada hari pertama setiap Ulang Tahun Sijil tersebut.
- (iv) Caruman yang dibayar, ditolak dengan Caj Pendahuluan, akan disalurkan terus ke dalam Dana Tabarru'.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Caj Pendahuluan (Yuran Wakalah) akan ditolak mengikut mod pembayaran caruman berdasarkan peratusan caruman yang dibayar untuk pembayaran kos pengendalian pelan ini.
- Caj Pendahuluan yang dibayar di bawah pelan ini adalah 13% dari caruman anda.
- Tabarru' akan ditolak berdasarkan mod bayaran yang dipilih pada permulaan setiap Caruman. Tabarru' mungkin akan meningkat mengikut umur anda. Maklumat tentang Tabarru' dan caj-caj lain untuk pelan ini boleh didapati di dalam Sijil.
- Duti setem sebanyak RM10 adalah sebahagian daripada caj pendahuluan yang ditolak untuk mengesahkan Sijil.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh rujukan percuma - anda boleh membatalkan Sijil dengan mengembalikan Sijil dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Sijil telah dihantar kepada anda. Pengendali Takaful akan membayar balik caruman bersamaan nilai caruman yang telah dibayar.
- Tempoh menunggu - kelayakan untuk manfaat yang dilindungi akibat penyakit akan bermula tiga puluh (30) atau enam puluh (60) hari selepas tarikh permulaan atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil ini, mana yang kemudian.
- Tempoh tenggang - anda mempunyai tempoh tenggang selama tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh caruman berikut yang perlu dibayar untuk membayar caruman.
- Takaful bersama - tidak berkenaan bagi Sijil ini.
- Prosedur Tuntutan - Borang tuntutan boleh diperolehi dari laman web Pengendali Takaful www.greateastertakaful.com. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Pengendali Takaful untuk memudahkan pembayaran sebarang faedah.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Kecederaan badan yang dilakukan sendiri, sama ada waras atau tidak.
- Penyakit kritikal yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh risiko berkuatkuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula bagi Sijil ini, mana yang kemudian.
- Penyakit kritikal disebabkan Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi.
- Penyakit kritikal disebabkan oleh peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Setelah pembatalan, anda berhak mendapatkan sejumlah bayaran balik caruman dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah Sijil ini. Namun, anda tidak digalakkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Menyertai pelan takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar caruman dalam tempoh tenggang selama tiga puluh (30) hari, Sijil anda mungkin luput dengan segera yang boleh menyebabkan anda kehilangan perlindungan.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Pengendali Takaful jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk buku *infoinsurans* berkaitan yang terdapat di semua cawangan Pengendali Takaful atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pengendali Takaful di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tel : (603) 4259 8338

Faks : (603) 4259 8808

Careline : 1 300 13 8338

E-mel : DirectChannelMarketing@greateastertakaful.com

Laman web : www.greateastertakaful.com

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila hubungi Pengendali Takaful bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA CARUMAN YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU. PERLINDUNGAN BAGI PELAN INI HANYA AKAN BERMULA KETIKA SIJIL BERKUATKUASA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA DAN TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.

JADUAL CARUMAN**Caruman dan Caj Pendahuluan Tahunan bagi i-Great Critical Care (Lelaki)**

Umur Tercapai Hari Lahir Berikutnya	Kadar bagi setiap RM1,000 BSC	
	Tidak Merokok	Merokok
19	2.28	2.95
20	2.29	2.96
21	2.30	2.97
22	2.31	2.98
23	2.32	2.99
24	2.33	3.00
25	2.34	3.01
26	2.35	3.02
27	2.36	3.03
28	2.37	3.06
29	2.38	3.15
30	2.45	3.28
31	2.52	3.41
32	2.56	3.49
33	2.59	3.61
34	2.64	3.71
35	2.70	3.83
36	2.76	3.95
37	2.93	4.26
38	3.10	4.58
39	3.37	5.02
40	3.61	5.45
41	3.85	5.85
42	4.13	6.31

Umur Tercapai Hari Lahir Berikutnya	Kadar bagi setiap RM1,000 BSC	
	Tidak Merokok	Merokok
43	4.47	6.85
44	4.79	7.37
45	5.18	7.99
46	6.42	10.06
47	6.92	10.87
48	7.68	12.05
49	8.64	13.56
50	9.75	15.28
51	10.80	16.89
52	11.78	18.37
53	12.98	20.18
54	14.20	22.19
55	15.50	24.21
56	16.89	26.49
57	18.32	28.81
58	19.96	31.61
59	21.91	34.96
60	26.36	38.57
61	22.52	38.57
62	24.48	42.06
63	26.59	45.95
64	29.10	49.88
65	30.78	52.38
66	33.50	56.87

Umur Tercapai Hari Lahir Berikutnya	Kadar bagi setiap RM1,000BSC	
	Tidak Merokok	Merokok
67	36.70	62.17
68	40.20	67.34
69	44.06	73.58
70	48.28	80.40
71	52.47	87.51
72	57.25	95.76
73	62.49	104.84
74	68.21	111.67
75	72.00	121.20
76	78.58	129.30
77	85.55	140.53
78	93.17	153.41
79	101.45	167.46

Bagaimana untuk mengira caruman anda:

Jumlah Perlindungan: 25,000

Umur Hari Lahir Berikut: 25 (Lelaki, Merokok)

Kadar setiap RM1,000 BSC: 3.01

Caruman Tahunan: $25,000 \times 3.01/1000$
= **RM 75.25**Caj Pendahuluan (Tahunan): $RM75.25 \times 13\% = \text{RM } 9.78$ Caruman Setengah Tahunan: Caruman Tahunan $\times 0.5$ Caruman Suku Tahunan: Caruman Tahunan $\times 0.25$ Caruman Bulanan: Caruman Tahunan $\times 0.083333$

Kiraan caruman sebenar boleh dibundarkan ke dua tempat perpuhan.

Nota:

Kadar muktamad adalah tertakluk kepada pertimbangan Pengendali Takaful. Caruman dan caj pendahuluan adalah tidak dijamin. Pengendali Takaful boleh mengubah kadar tersebut dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada anda.

BSC = Jumlah Perlindungan Asas

Caj pendahuluan adalah 13% daripada caruman yang dibayar

PEREMPUAN

JADUAL CARUMAN

Caruman dan Caj Pendahuluan Tahunan bagi i-Great Critical Care (Perempuan)

Umur Tercapai Hari Lahir Berikutnya	Kadar bagi setiap RM1,000 BSC	
	Tidak Merokok	Merokok
19	2.15	2.24
20	2.16	2.25
21	2.17	2.26
22	2.18	2.27
23	2.19	2.28
24	2.20	2.29
25	2.21	2.30
26	2.22	2.31
27	2.23	2.40
28	2.24	2.49
29	2.25	2.58
30	2.33	2.70
31	2.39	2.79
32	2.46	2.94
33	2.55	3.10
34	2.85	3.57
35	3.26	4.25
36	3.48	4.61
37	3.73	5.05
38	3.97	5.58
39	4.24	6.09
40	4.52	6.55
41	4.78	7.17
42	5.04	7.64

Umur Tercapai Hari Lahir Berikutnya	Kadar bagi setiap RM1,000 BSC	
	Tidak Merokok	Merokok
43	5.38	8.17
44	5.78	8.78
45	6.20	9.42
46	6.63	10.06
47	7.12	10.68
48	7.57	11.49
49	8.21	12.58
50	9.06	13.87
51	9.96	15.23
52	10.76	16.50
53	11.57	17.63
54	12.17	18.52
55	12.94	19.60
56	13.67	20.69
57	14.23	21.67
58	14.88	22.64
59	15.65	24.00
60	18.18	25.84
61	17.33	23.07
62	18.54	24.81
63	19.79	26.26
64	21.08	27.91
65	22.13	29.66
66	23.68	31.99

Umur Tercapai Hari Lahir Berikutnya	Kadar bagi setiap RM1,000BSC	
	Tidak Merokok	Merokok
67	25.55	34.66
68	27.50	37.59
69	29.86	40.78
70	32.43	44.30
71	35.27	48.16
72	38.41	52.43
73	41.52	56.68
74	44.61	60.80
75	47.67	65.38
76	51.15	69.69
77	54.94	75.75
78	59.72	82.34
79	64.96	89.47

Baqaimana untuk mengira caruman anda:

Jumlah Perlindungan: 25,000

Umur Hari Lahir Berikut: 25 (Perempuan, Merokok)

Kadar setiap RM1,000 BSC: 2.30

Caruman Tahunan: $25.000 \times 2.30/1000$

= RM 57.50

Caj Pendahuluan (Tahunan): RM57.50 x 13% = **RM 7.48**

Caruman Setengah Tahunan: Caruman Tahunan x 0.5

Caruman Suku Tahunan: Caruman Tahunan x 0.25

Caruman Bulanan: Caruman Tahunan x 0.083333

Kiraan caruman sebenar boleh dibundarkan ke dua tempat perpuluhan.

Nota:

Kadar muktamad adalah tertakluk kepada pertimbangan Pengendali Takaful. Caruman dan caj pendahuluan adalah tidak dijamin. Pengendali Takaful boleh mengubah kadar tersebut dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada anda.

BSC = Jumlah Perlindungan Asas

Caj pendahuluan adalah 13%